



14 APR, 2025

Tiada kenaikan tarif elektrik semasa di Sarawak

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

Tiada kenaikan tarif elektrik semasa di Sarawak

Sarawak akan mengekalkan tarif elektrik semasa yang paling rendah di Malaysia dan rantau ini, kata Ibrahim

KUCHING: Tiada kenaikan tarif elektrik semasa di Sarawak walaupun kos pengeluaran elektrik meningkat berikutan kenaikan harga bahan mentah serta buruh dan peralatan pada masa ini, kata Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy dan PETROS) Dato Ibrahim Baki.

Pengerusi Sarawak Energy Berhad (SEB) itu berkata ramai yang bertanya kepada beliau sama ada tarif elektrik akan dinaikkan memandangkan kadar tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dan Sabah semakin meningkat.

"Saya masih pengerusi SEB dan menteri yang bertanggungjawab (terhadap SEB). Ini janji saya kepada anda: Selagi saya menjadi pengerusi, tarifelektrik di Sarawak tidak akan naik, Insyallah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan perhimpunan Aidilfitri Zon 1 PBB Satok di Dewan Dato Hajjah Jumaani, SK Rakyat Jalan Haji Bolhassan di sini keimarin.

Ibrahim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Satok berkata Sarawak akan mengekalkan tarif elektrik semasa yang paling rendah di Malaysia dan rantau ini.

Tidak perlu risau, bil elektrik anda akan sama seperti biasa.

"Selagi saya menjadi pengerusi SEB, kami akan mencari jalan untuk mendapatkan hasil daripada sumber lain bagi mengimbangi kos (pengeluaran elektrik yang semakin meningkat)," katanya.

Pada masa yang sama, Ibrahim juga berkata Sarawak sedang berusaha meningkatkan kapasiti pengeluaran elektriknya, menasaskan untuk menjana 10,000 megawatt (MW) seperti yang dibayangkan oleh Premier Sarawak

Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Ini adalah untuk memenuhi visi kami untuk menjadi 'Bateri ASEAN'. Kita bertuah kerana mempunyai sumber tenaga hidro dari Bakun, Murum dan tidak lama lagi, dari Baleh dan Batang Ai. Ini adalah sumber tenaga hijau," ujarnya menegaskan.

Ibrahim juga berkata Sarawak tidak mahu mengambil hak sepenuhnya ke atas sumber minyak dan gas sebaliknya hanya melihat

sebahagian sahaja daripada sumber tersebut.

"Persepsi dan tafsiran pihak tertentu yang berkata kita mahu kesemuanya adalah

tidak benar.

"Tapi jangan beri kita tulang, kita mahu juga sikit isinya. Ini yang kami mahu," katanya merujuk kepada sebahagian perkongsian Sarawak dalam sumber minyak dan gas. Kami tidak mahu bersaing dengan PETRONAS, sebaliknya, kami mahu kedua-duanya (PETROS dan PETRONAS) wujud bersama," tambahnya.

Ibrahim berkata Sarawak juga ingin mengambil sebahagian sebagai pemain dalam sektor minyak dan gas tempatan dan bukannya menjadi penonton.

"Biarkan perniagaan (tempatan) mengambil bahagian dalam kontrak PETRONAS, kami juga mahu terlibat dalam penerokaan, pengeluaran dan rantaian bekalan tersebut," jelasnya.

Turut hadir adalah isteri beliau, Datin Noor Akmar Hamdan, Setiausaha Politik Premier Sarawak Abdul Samat Gany dan Dr Dayang Nurfizawati Abang Abdul Karim, Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri

Irwan Zulkarnain Muhammad Hasbi dan pengerusi penganjur program Naz Ismadee Khalit.

“Saya masih pengerusi SEB dan menteri yang bertanggungjawab (terhadap SEB). Ini janji saya kepada anda: Selagi saya menjadi pengerusi, tarif elektrik di Sarawak tidak akan naik, Insyallah.”

Dato Ibrahim Baki
 Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy dan PETROS)



14 APR, 2025

Tiada kenaikan tarif elektrik semasa di Sarawak

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



TAHNIAH: Ibrahim (tengah) menyerahkan basikal kepada pemenang cabutan bertuah semasa berlangsungnya perhimpunan Aidilfitri Zon 1 PBB Satok. Kelihatan Abdul Samat (kiri) dan Naz Ismadee (kanan).